

TANAH PERTANIAN MILIK ORANG MELAYU DAN CARA PELAKSANAANNYA

- 1) Pemilik yang berusaha sepenuhnya hingga mendapat hasil yang lumayan.
- 2) Pemilik yang berusaha secara sambil lewa tidak mendapat hasil yang memuaskan.
- 3) Pemilik yang menyewa kepada orang lain dengan mendapat hasil yang amat sedikit.
- 4) Pemilik yang tidak mengusaha langsung dan tidak mendapat apa-apa suat.
- 5) Pemilik secara taqdirin sahaja.

Pemilik kedua, ketiga, keempat harta-harta itu dinamakan dalam kaedah zakat (harta-harta yang terunding dari penyuburannya) disebabkan kelemahan pemilikan.

Harta-harta itu jika dibiarkan begitu saja akan membawa akibat merosotnya ekonomi umat Islam dan juga negara dan pemiliknya sendiri.

Dan akan hilang sumber-sumber zakat yang menjadi unsur utama sumber kewangan umat dalam memajukan ekonomi dan pembangunan masyarakat Islam.

Dalam mengimbangi kembali penyuburan hartanah tersebut dan pelaksanaan zakat dari sumber-sumber itu maka pihak berkenaan harus mengadakan badan-badan berkanun untuk mengendalikan hartanah tersebut supaya dapat mengeluarkan hasilnya yang lumayan dalam satu peraturan dalam kaedah zakat yang dinamakan (peranan zakat dalam penyuburan harta benda dan pemulihannya)